

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK
SENA]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8191

SOALAN:

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) nama syarikat yang dipilih untuk mengendalikan pengurusan kemasukan 1.5 juta orang pekerja asing dari Bangladesh serta cara pemilihan syarikat tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah dari yuran penempatan akan diterima oleh syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mengenalpasti Syarikat Synerflux setelah menilai kertas cadangan serta perbincangan awal yang disertai pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen untuk mengadakan perbincangan lanjut berdasarkan cadangan konsep pengambilan pekerja Bangladesh secara online.

Selain daripada perkembangan semasa di mana Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Bangladesh sedang berunding mengenai kemasukan tenaga kerja dari Bangladesh bagi memenuhi keperluan negara, cadangan dari syarikat dilihat bersesuaian serta mampu membantu pihak Kerajaan melaksanakan prosedur pengambilan pekerja secara lebih sistematik, cekap dan terkawal.

Pada masa ini, kedua-dua pihak Kerajaan sedang memperkemas mekanisme serta prosedur pelaksanaan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga sedang meneliti aspek teknikal dari cadangan yang dikemukakan oleh syarikat.